

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHAZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
(SETIU)**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHAZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sumbangan tetap tahunan kepada PIBG sekolah serta perancangan untuk menambah peruntukan khususnya bagi sekolah luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menyediakan sumbangan tetap tahunan kepada Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG). Namun, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998 membenarkan PIBG untuk mengutip apa-apa sumbangan yang diputuskan dalam mesyuarat agung tahunan daripada anggota dan keputusan itu hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri yang merupakan Pendaftar Negeri.

KPM yakin dengan peranan yang dimainkan oleh PIBG dalam memastikan kemajuan serta pembangunan murid dan sekolah. Ibu bapa atau penjaga murid adalah digalakkan untuk memberi sokongan kepada PIBG dalam apa-apa juga aktiviti yang dirancang termasuk dalam usaha mendapatkan dana untuk membantu sekolah dalam aspek pengurusan program sekolah.